

17 SEP 1996

PM-Arafat

ARAFAT BERTERIMA KASIH KEPADA SOKONGAN MALAYSIA

Oleh: K.C. Leong

HARARE, 17 Sept (Bernama) -- Presiden Palestin Yasser Arafat mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sokongan tidak berbelah-bahagi Malaysia kepada perjuangan rakyat Palestin.

Beliau menyampaikan sendiri ucapan terima kasih itu dalam pertemuan mereka di Pusat Persidangan Antarabangsa Harare di sini petang semalam di luar acara Sidang Kemuncak Solar Dunia di sini.

Perdana Menteri sebelum itu memberitahu wartawan Malaysia bahawa beliau akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin Palestin itu untuk mengetahui perkembangan terakhir di Palestin dan bentuk sokongan yang dapat Malaysia hulurkan kepada penduduk Palestin dalam perjuangan mereka.

Arafat berkata beliau mengambil peluang memberikan penerangan terperinci kepada Dr Mahathir mengenai perkembangan terakhir di Palestin, terutama selepas pembentukan kerajaan baru Israel.

Beliau menyifatkan Dr Mahathir dan rakyat Malaysia sebagai antara penyokong kuat Palestin ketika mereka mengharungi keperitan dalam keadaan yang menyulitkan.

"Kami tidak dapat lupakan (sokongan Malaysia). Kami akan ingat selama-lamanya," kata Presiden berusia 63 tahun itu.

"Kami berterima kasih dari lubuk hati kami tentang apa yang telah saudara lakukan dan apa yang dibuat sekarang. Kami tidak dapat lupa," katanya kepada wartawan Malaysia.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata beliau sedih dengan perkembangan terakhir di Teluk di mana Amerika Syarikat telah meningkatkan kehadiran pasukan tenteranya dalam pertikaiannya dengan Iraq.

Menjawab pertanyaan, beliau berkata adalah jelas bahawa negara-negara sekutu Amerika dalam perbalahan dengan Baghdad dan negara-negara Teluk tidak setuju dengan tindakan Washington itu.

Antara tindakan Amerika dalam beberapa minggu ini ialah serangan peluru berpandu terhadap sasaran tentera Iraq, penghantaran sebuah kapal pengangkut tambahan dan pesawat pengebom Stealth F-17 dan membawa masuk tambahan 5,000 anggota tentera serta operasi sulit menelan belanja AS\$100 juta untuk menggulingkan Presiden Saddam Hussein.

Dr Mahathir berkata Iraq telah menyatakan untuk menarik balik ancamannya menembak pesawat-pesawat Amerika dan tentera sekutu yang terbang di zon larangan terbang yang diperluaskan tanpa persetujuan Bangsa-bangsa Bersatu.

Malaysia bimbang tindakan sebelah pihak seperti itu, katanya dan menegaskan Malaysia mengutuk Amerika bukan kerana ia musuh Amerika tetapi kerana "kita akan mengutuk siapa saja yang bersalah".

Tambahnya Malaysia juga sedih kerana tindakan seperti itu diambil oleh sebuah kuasa yang Malaysia anggap sebagai rakan dan pejuang kebebasan dan demokrasi. -- BERNAMA

KCL OBA